



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

HARI KELEPASAN AM SEMPENA PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG BAGI PEKERJA SEKTOR SWASTA

Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan 24 April 2017 sebagai hari kelepasan am sempena Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Cuti ini telah diisytiharkan di bawah seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951 dan diwartakan pada 3 April 2017. Oleh itu, cuti ini adalah termaktub sebagai hari cuti umum yang wajib diberi kepada pekerja menurut seksyen 60D (1) (b) Akta Kerja 1955.

Berdasarkan kepada seksyen 60D (1A) Akta Kerja 1955, majikan boleh menggantikan hari lain sebagai cuti ganti umum bergaji. Majikan dikehendaki memberitahu pekerja mereka sama ada memilih tarikh 24 April 2017 sebagai hari cuti umum atau menggantikannya dengan tarikh lain. Sekiranya tiada penggantian hari lain, pekerja yang bekerja pada tarikh tersebut layak menerima kadar gaji bagi cuti umum.

Bagi Kedah, Negeri Sembilan dan Perlis; 24 April 2017 adalah cuti umum negeri untuk hari Israk dan Mikraj. Kepada majikan yang telah memilih hari Israk dan Mikraj sebagai cuti umum di syarikat mereka, majikan tersebut perlu mematuhi kehendak seksyen 60D(1)(b)(ii) Akta Kerja 1955 yang menyatakan apabila cuti umum jatuh pada satu hari cuti umum yang lain, maka hari kerja berikutnya hendaklah diisytihar sebagai hari cuti umum bergaji. Dengan itu, 25 April 2017 adalah hari cuti umum negeri bagi ketiga-tiga negeri tersebut; Kedah, Negeri Sembilan dan Perlis.

###

**YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem
Menteri Sumber Manusia**

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
11 April 2017**